



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (160)

Tarikh : 28 Ogos 2016

## **SIARAN MEDIA**

### **Karnival Gotong Royong Merdeka Raya Meningkatkan Kualiti Kehidupan di PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang 1**

**Petaling Jaya, 28 Ogos 2016** – Karnival Gotong Royong Merdeka Raya Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Putra Damai, Lembah Subang 1 ini dilancarkan oleh Y.B. Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini.

Karnival gotong royong yang julung kali diadakan oleh KPKT ini dijayakan secara rentas jabatan (NBOS) di antara KPKT bersama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), ICU Selangor, Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran Selangor, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 26 dan Jabatan Kesihatan Selangor merangkumi semua blok di PPR ini dari blok A, B, C, D, E, F, G ke H.

YB Menteri KPKT mengetuai pembersihan di Zon 1 meliputi Blok A, B dan C, Zon 2 diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT meliputi Blok D, E dan F sementara Zon 3 yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kesejahteraan Bandar merangkumi Blok G dan H. Pegawai kanan KPKT, JPP Zon 26 dan penduduk turut serta dalam aktiviti gotong-royong ini.

YB Menteri mengulas, “Selain meningkat mutu kebersihan dan kejiranan indah kawasan Lembah Subang 1, karnival ini dapat meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik daripada segi fizikal, mental dan sosial, mewujudkan nilai kebertanggungjawaban terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan keselamatan, menggalakkan penyertaan penduduk dalam

perancangan dan pelaksanaan aktiviti kesukarelawan dan mengeratkan kerjasama dan sialtulrahim antara penduduk dan agensi Kerajaan Pusat”.

Pelbagai alatan pembersihan disediakan oleh Swcorp, Alam Flora, MBPJ, Bomba dan KPKT seperti penyodok, pencakar, *litter picker*, tong roro, *wheel barrow*, penyapu, penyodok longkang, jentera sedut, tong sampah beroda (120 Liter), plastik hitam dan sarung tangan kain bagi membersihkan longkang tersumbat, mengutip sampah dan membersihkan kawasan pembiakan nyamuk. MBPJ pula menjalankan aktiviti menangkap tikus pada malam Sabtu dan *fogging* pada 5 -7 pagi tadi.

Uniknya gotong royong ini selain daripada gotong royong pembersihan, terdapat juga gotong royong memasak makan tengahari untuk 2000 orang oleh JPP Zon 26 dan penduduk (28 Ogos) dan makan malam oleh Bomba dan penduduk (27 Ogos)

Pelbagai aktiviti menarik lain seperti pengagihan bendera sempena sambutan hari kemerdekaan, *food trucks*, pameran oleh pelbagai agensi: pelan perancangan landskap, denggi, pemeriksaan kesihatan, aplikasi aduan I-keph dan laman web Orang-e, radio online: radiojkt (Jabatan Kerajaan Tempatan), tayangan wayang pacak, pendaftaran Amanita/pewanis dan lain-lain juga disediakan.

Karnival pada pagi ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri KPKT, Ketua Setiausaha (KSU) KPKT, YB Hajjah Halimathon Saadiah bt Borhan, Adun Kota Damansara, Pegawai Kanan KPKT, ICU Selangor, pemimpin tempatan dan penduduk PPR Taman Damai, Lembah Subang 1.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)